

Headline	TNB komited bangun modal insan industri pembekalan elektrik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	63
ArticleSize	158 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,600		



TNB komited bangun modal insan industri pembekalan elektrik

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus komited membangunkan modal insan dalam industri pembekalan elektrik negara menerusi penubuhan Pusat Latihan Teknikal Kota Belud, Sabah yang baru beroperasi.

Pusat berkenaan menyediakan kursus kekompetenan pencantum kabel pertama di Sabah dan mendapat pentauliahuan daripada Suruhanjaya Tenaga untuk mengendalikan latihan kepada pelatih dalam kategori pencantum kabel elektrik sehingga tahap voltan 33kV.

Operasi pusat latihan itu membabitkan dua anak syarikat TNB, TNB Integrated Learning Solution Sdn Bhd (ILSAS) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB).

Pengerusi TNB dan SESB Tan Sri Leo Moggie berkata, pusat terbabit bukan saja



LEO merasmikan Pusat Latihan Teknikal di Kota Belud.

melatih pekerja SESB, malah memberi manfaat kepada kontraktor SESB dan masyarakat awam di negeri Bahawasluhan Bayu itu.

“Penubuhan pusat itu adalah selari dengan hasrat TNB membangunkan modal insan berkaitan latihan teknikal dan perkhidmatan khusus yang dilaksanakan oleh ILSAS untuk TNB dan industri tenaga sejak 40 ta-

hun lalu.

“Sejak 1978 lagi, ILSAS giat membangunkan tenaga mahir yang kini dikenali sebagai Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET).

“Menerusi ILSAS, tiga tahun kebelakangan ini TNB membelanjakan RM90 juta setahun untuk pembangunan modal insan,” katanya ketika merasmikan pusat itu.